

12/02/2003

Umno umum awal calon MB Kelantan, Terengganu

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Umno mungkin menamakan lebih awal calon bakal Menteri Besar

Kelantan dan Terengganu dalam usaha Barisan Nasional (BN) menawan semula dua negeri itu pada pilihan raya umum akan datang.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata cadangan itu serta saranan supaya senarai calon pilihan raya di Kelantan diumumkan lebih awal akan dipertimbangkan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, beliau ingin mengetahui lebih lanjut dan khusus berapa lama tempoh awal yang dimaksudkan itu.

"Saya dah kata dah, tengoklah sama ada hendak awal... berapa awal? Setahun dulu ke, 10 tahun dulu ke, atau sehari dulu ke, awal juga relatif," katanya selepas melancarkan projek Pembangunan Pusat Konvensyen

Kuala Lumpur di sini, semalam.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Tengku Razaleigh Hamzah dalam temu ramah dengan Minggu Malaysia, Ahad lalu, berkata calon bakal Menteri Besar Kelantan dan Terengganu, lebih baik diumumkan awal.

Sebelum ini, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed pula mencadangkan agar calon pilihan raya di Kelantan diumumkan lebih awal bagi membolehkan rakyat negeri itu mempunyai banyak masa untuk mengenali dan berasa selesa mendekati pemimpin mereka dalam usaha membantu parti mengukuhkan kedudukannya.

Mengenai laporan bahawa Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang menemui beberapa individu yang dikaitkan dengan keganasan, Dr Mahathir berharap mereka tidak terbabit dalam kegiatan jenayah.

"Tidak ada salahnya berjumpa orang lain tetapi kita nak tahu tujuan pertemuan mereka. Jika mereka berjumpa untuk merancang kegiatan ganas, tentunya mereka disabitkan," katanya.

Sebuah akhbar tempatan baru-baru ini melaporkan Abdul Hadi menghadiri satu kongres di Makasar, Indonesia yang turut dihadiri ketua kumpulan Jemaah Islamiyah, Abu Bakar Basyir dan ketua kumpulan Laskar Jundullah, Agus Dwikarna.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, terpulang kepada polis untuk menyiasat kehadiran Pemangku Presiden Pas itu.

Mengenai cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk mewajibkan setiap parti dan calon menandatangani satu aku janji mulai pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak menimbulkan masalah kepada Barisan Nasional (BN).

"Kita tidak ada masalah, tinggal lagi orang lainlah. Bila dia nampak dia tidak boleh menang, dia hendak guna keganasan," katanya.

Ditanya cadangan supaya calon yang melanggar aku janji itu hilang kelayakan bertanding, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu dan ia perlu diteliti kerana ia sekadar cadangan SPR.

"Kita tak tahu apa pun lagi, tidak boleh nak komenlah. Masa taklimat (oleh SPR) semalam (kelmarin), tak sebut pun pasal itu. Barangkali cadangan dia, dia bolehlah (kemuka kepada kerajaan), kalau dia nak," katanya.

Pengerusi SPR Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman semalam dilaporkan sebagai berkata setiap calon yang melanggar aku janji pilihan raya dengan melakukan amalan politik tidak sihat termasuk berkempen secara ganas akan hilang kelayakan untuk bertanding mulai pilihan raya umum akan datang.

Mengenai taklimat yang diberikan SPR kelmarin, Dr Mahathir berkata ia adalah mengenai "electronic voting" iaitu pengundian secara elektronik dan mekanisme pengundian itu.

"SPR buat demonstrasi tunjuk pada saya. Tapi kerajaan belum lagi timbang sama ada kita akan menggunakan electronic voting," katanya.

Perdana Menteri, bagaimanapun, berkata pengundian secara elektronik mungkin dilaksanakan di negara ini kerana ia lebih moden dan memudahkan keputusan diperolehi dengan cepat.